

17/10/2003

Petikan

* "ALLAH tidak mengangkat kita, para pemimpin, mengatasi yang lain supaya kita menikmati kuasa untuk faedah diri kita sendiri saja. Kuasa yang kita pegang ialah untuk rakyat kita, untuk ummah, untuk Islam." - Pengerusi OIC, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

* "PERJUANGAN bagi sebuah dunia yang bebas daripada konflik dan peperangan patut menjadi matlamat bersama NAM dan OIC dalam era baru ini. Kita patut terbabit secara aktif dalam usaha untuk mengurus, menyelesaikan dan mencegah konflik di dunia, terutama di kalangan negara anggota kita." - Wakil Pengerusi NAM Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

* "HEBAT... ucapannya amat baik," - Presiden Pakistan, Pervez Musharraf ketika memuji pandangan dan saranan Dr Mahathir.

* "DI Russia ada kira-kira 20 juta orang Islam dan daripada 870 buah masjid pada 1991, kini terdapat lebih 7,000 masjid di Russia." - Presiden Russia, Vladimir Putin.

* "MESEJ disampaikan Dr Mahathir adalah pembuka mata kepada ramai orang dan ini sepatutnya berlaku pada sidang kemuncak seperti ini." - Presiden Afghanistan, Hamid Karzai.

* "IA memberikan keyakinan kepada pengguna. Mereka tidak akan menggunakan barangan Amerika Syarikat sungguhpun diberi secara percuma." - Pengasas Mecca Cola, Tawfik Mathlouthi.

* "DR MAHATHIR menjelaskan dengan panjang lebar mengenai program tindakan yang meluas dan amat penting. Saya harap negara Islam boleh mengikuti pelan ini. Ia adalah pelan yang amat baik." - Menteri Luar Mesir, Ahmad Maher.

* "KEBERANIAN Malaysia mempertahankan Syariah Islam ini diimbangi dengan usahanya memupuk kesedaran mengenai sifat tolak ansur dalam Islam terhadap budaya serta tamadun Barat." - Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa Salman Al-Khalifa.

* "Saya juga perlu mengutuk tindakan kekerasan terhadap Syria dan Lubnan serta ancaman nyata atau berselindung terhadap Arab Saudi dan Iran dengan menggunakan pelbagai alasan." - Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Abdelouahed Belkeziz.